



Dr Mahathir bersama sebahagian warga Kementerian Pertahanan ketika lawatan rasmi di Wisma Pertahanan, Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur, semalam.

AFIDAVIT DAKWAAN SALAH LAKU BADAN KEHAKIMAN

Kerajaan setuju tubuh RCI: PM

➔ Suruhanjaya tentukan cara siasatan, pendakwaan

Oleh Rohaniza Idris
dan Fazrik Kamarudin
bhnews@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

Kerajaan bersetuju menu-
buhkan Suruhanjaya Sia-
satan Diraja (RCI) menge-
nai dakwaan salah laku oleh hak-
im tertentu, kata Tun Dr
Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, terpu-
lang kepada suruhanjaya siasatan
itu nanti menentukan cara bagai-
mana siasatan dan pendakwaan
akan dibuat berhubung dakwaan
salah laku berkenaan.

“Terma rujukan mengenai su-
ruhanjaya itu akan ditentukan ke-
mudian,” katanya ditemui media

BH-22/2/2019 m/s: 2

selepas melakukan lawatan rasmi
dan sesi ramah mesra bersama
warga Kementerian Pertahanan di
sini, semalam.

Beliau ditanya mengenai gesaan
pelbagai pihak supaya RCI ditu-
buhkan berikutan pendedahan bekas
Hakim Mahkamah Rayuan Per-
sekutuan, Datuk Dr Hamid Sultan
Abu Backer berhubung beberapa
kejadian campur tangan hakim da-
lam badan kehakiman di Malaysia.

Tipu wang kerajaan

Dr Hamid Sultan dalam afidavit-
nya setebal 63 halaman pada 14
Februari, mendakwa berlaku pe-
nipuan oleh hakim kanan tertentu
dengan peguam persendirian un-
tuk menipu wang kerajaan me-
nerusi kontrak yang dibatalkan.

Ia termasuk campur tangan da-
lam keputusan rayuan kes hasutan
mendiang Karpal Singh di Mah-
kamah Rayuan.

Kumpulan peguam bebas turut
mendakwa mengumpul bukti cam-
pur tangan beberapa hakim Mah-
kamah Rendah dalam beberapa isu
sensitif membabitkan politik.

Jumaat lalu, Dr Mahathir dila-
porkan berkata, kerajaan bersedia
mengkaji keperluan diwujudkan
satu suruhanjaya siasatan beriku-
tan pendedahan mengenai salah
laku dan campur tangan hakim
dalam keputusan mahkamah.

➔ RCI salah laku hakim
boleh ‘buka perkara’ lain
- MUKA SEPULUH